

RAHIM: 'SAYA IKUT APRAHAN'

Pengganti MB Pahang dibincang secara terperinci

KUALA LUMPUR, Selasa — Haji Abdul Rahim Bakar akan mengosongkan jawatannya sebagai Menteri Besar Pahang tidak lama lagi dan berkhidmat di mana saja seperti yang diarahkan oleh pucuk pimpinan pusat.

Bagaimanapun, Berita Harian difahamkan, beliau tidak akan mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Beserah.

Sumber-sumber yang mengetahui berkata, keputusan Haji Abdul Rahim itu disampaikan sendiri olehnya dalam satu pertemuan "empat mata" dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini.

Ketika ditemui di hotel penginapannya di sini, Haji Abdul Rahim yang kelihatan riang tapi meniadakan keadaan politik di Pahang sekarang sebagai runding dan sensitif, berkata:

"Saya tetap akan pergi, tapi belum sampai masanya untuk saya memberitahu ke mana saya akan pergi."

Kenyataan ringkas ini membawa beberapa lafiran dan antaran lafah, Haji Abdul Rahim tidak mungkin ke New York seperti yang dihebohkan sekarang. Mungkin beliau akan berkhidmat sebagai anggota diplomat Malaysia di seberang laut dan berucap sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang sehingga pilihannya umum kelak.

Pilihan

Dalam pertemuannya 45 minit dengan Datuk Seri Dr. Mahathir, yang difahamkan sebagai perjumpaan penuh mesra, keikhlasan dan suasana tenang, beberapa perkara mengenai Pahang turut dibangkitkan.

Menurut Menteri Besar itu, masalah "pengganti" yang akan mentadbirkan Pahang sepeninggalannya kelak dibincang secara terperinci.

Katanya, banyak nama calon ditimbulkan sewaktu Datuk Seri Dr. Mahathir dan beliau membincangkan

Oleh RUHANIE AHMAD dan NAJIB RAHMAN

masalah "pengganti" itu. Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak membayangkan bahawa pengganti itu seorang ahli Parlimen.

Adalah difahamkan, Perdana Menteri kurang cenderung memilih salah seorang Ahli Parlimen Pahang untuk mengantikan Haji Rahim kerana beliau tidak mahu pilihannya kecil diadakan sekarang.

Haji Rahim enggan melahirkan pendapatnya mengenai arahan pusat supaya beliau menyertai delegasi Malaysia ke Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York sekarang.

Beliau sekadar mengesakan bahawa telegram memberitahu mengenai pemergiannya ke New York diterima pada pagi 17 September lalu dan kini beliau masih belum pergi kerana kesuntukan masa membuat persediaan sewajarnya.

Sebelum itu, katanya, Timbalan Perdana Menteri memang pernah menyatakan kepadanya mengenai pemilihan beliau menyertai delegasi Malaysia ke New York. Tapi beliau menisfatkan perkara itu sebagai tidak rasmi.

Selanjutnya Haji Rahim berkata, telegram mengenai pemergiannya ke New York hanya ditandatangani oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie. Dan sehingga hari ini beliau belum menerima sebarang surat atau arahan rasmi (melainkan telegram) mengenai percuti percutiannya sebagai delegasi Malaysia itu.

Ditanya sama ada beliau akan mematuhi sepenuhnya arahan pemimpin pusat terhadap dirinya untuk menyertai delegasi di Pahang sekarang, Haji Rahim berkata:

"Utuk menjadi pemimpin yang baik, kita perlu menjadi pengikut yang baik. Utuk menjadi pengikut yang baik pula kita mesti setia. Dan selanjutnya, kita perlu berdisiplin."

Bagaimanapun, tamteterakhir kepada Takdir Tuhan menentukannya.

Kepada soalan sama ada beliau sanggup mengorbankan dirinya demi menyelesaikan masalah politik di negerinya, Haji Rahim pula mengesakan: "Kehidupan kita adalah penuh dengan pilihan-pilihan tertentu. Dan setelah membuat pertimbangan sewajarnya, sekiranya saya perlu

berkorban, maka saya rela berkorban."

Katanya, beliau tidak mempunyai rancangan peribadinya untuk masa depan kerana selama ini beliau menumpukan perhatiannya mentadbirkan Pahang demi kepentingan rakyat.

Haji Rahim juga menafikan bahawa krisis politik di Pahang sekarang timbul akibat perbezaan peribadi di kalangan pemimpinnya.

"Masalah perpolitikan tidak timbul dalam pentadbiran sesuatu negeri. Hakikatnya adalah saya bukan Rahim tapi pemegang mandat rakyat untuk mentadbirkan Pahang," tambahnya.

Katanya lagi, beliau tidak pernah mengutamakan kepentingan diri dalam menjalankan mandat rakyat Pahang. Segala galangnya dilaksana demi kepentingan rakyat keseluruhannya.

Haji Rahim akan pulang ke Kuantan malam ini untuk memengerusikan mesyuarat Exco di negerinya esok.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia